



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

2 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 784 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 199,629 kes. Sebanyak 13 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Tawau, dua (2) kes di Lahad Datu dan Sandakan manakala masing-masing satu (1) kes di Putatan, Tuaran, Pitas, Nabawan, Semporna dan Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,109 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 182,598 orang. Manakala 2,887 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,098 orang di hospital, 1,766 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 16 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala tujuh (7) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 139 orang merangkumi 127 di ICU/repurposed kritikal care serta 12 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 51 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Kebanyakan daerah mencatatkan penurunan kes harian dan ini membantu mengekalkan trend penurunan kes secara keseluruhan di Sabah. Hari ini jumlah kes baharu ialah (784) kes, turun (-88) kes berbanding semalam.
- b. Jumlah kes keputusan saringan yang tertunggak juga terus berkurangan. Hari ini cuma lima (5) kes yang lewat daftar melebihi 5 hari, (13) kes lewat antara 4 hingga 5 hari dan (257) kes atau 32.8% lewat daftar antara 2 hingga 3 hari selepas saringan keputusan diketahui.
- c. Pesakit dalam Kategori 3, Kategori 4 dan Kategori 5 yang memerlukan rawatan di hospital juga kekal rendah pada satu (1) digit. Hari ini Kategori 3, dua (2) kes, Kategori 4, tiga (3) kes dan Kategori 5, cuma satu (1) kes. Pesakit-pesakit dalam Kategori 1 pula, (179) kes atau 22.8%, Kategori 2, (544) kes atau 69.4% sementara (55) kes lagi masih dalam siasatan lanjut.
- d. Daripada (784) kes hari ini, (483) kes merupakan pesakit Kontak Rapat, (216) kes daripada kategori Bergejala dan (12) kes daripada Kluster sedia ada. (73) kes lagi diperolehi melalui saringan-saringan lain. Terdapat (14) orang OKT/Bantuan yang dicatat hari ini. Secara keseluruhan, 95.9% kes hari ini melibatkan warganegara Malaysia.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (483) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	12	1.53%
2	Bergejala	216	27.55%
3	Kontak	483	61.61%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain	73	9.31%
JUMLAH		784	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (01 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 01/10/2021	Catatan Kes 02/10/2021	Perbandingan
1	Ranau	42	77	+35
2	Kunak	3	15	+12
3	Tuaran	33	43	+10
4	Beluran	19	25	+6
5	Tawau	40	44	+4
6	Putatan	17	19	+2
7	Telupid	14	15	+1
8	Tenom	45	46	+1
9	Tambunan	7	7	Mendatar
10	Kota Kinabalu	107	79	-28
11	Lahad Datu	83	59	-24
12	Tongod	24	8	-16
13	Kudat	29	14	-15
14	Penampang	47	33	-14
15	Papar	34	22	-12
16	Sipitang	21	10	-11
17	Sandakan	54	46	-8
18	Kalabakan	5	0	-5
19	Kota Belud	43	38	-5
20	Beaufort	18	13	-5
21	Pitas	31	27	-4
22	Kota Marudu	43	39	-4
23	Keningau	62	60	-2
24	Nabawan	19	17	-2
25	Kinabatangan	17	15	-2
26	Semporna	11	10	-1
27	Kuala Penyu	4	3	-1
JUMLAH		872	784	-88

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (18 September – 01 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	43	29	0	7	79	1,798
Ranau	2	63	11	0	1	77	902
Keningau	4	37	11	0	8	60	999
Lahad Datu	0	23	30	0	6	59	1,235
Sandakan	0	24	10	0	12	46	1,111
Tenom	0	38	4	0	4	46	410
Tawau	0	24	15	0	5	44	652
Tuaran	0	34	8	0	1	43	862
Kota Marudu	0	18	13	0	8	39	908
Kota Belud	0	25	11	0	2	38	742
Penampang	0	20	13	0	0	33	711
Pitas	0	17	6	0	4	27	553
Beluran	0	20	4	0	1	25	412
Papar	0	14	8	0	0	22	591
Putatan	0	5	13	0	1	19	474
Nabawan	0	11	6	0	0	17	357
Kinabatangan	3	9	3	0	0	15	502
Telupid	0	13	0	0	2	15	241
Kunak	0	10	4	0	1	15	180
Kudat	0	6	4	0	4	14	346
Beaufort	0	9	3	0	1	13	216
Sipitang	3	3	4	0	0	10	169
Semporna	0	1	5	0	4	10	139
Tongod	0	8	0	0	0	8	229
Tambunan	0	7	0	0	0	7	190
Kuala Penyu	0	1	1	0	1	3	53
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	123
JUMLAH	12	483	216	0	73	784	15,105

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Mokodou	2
Keningau	Kluster Batu 46 Tulid	4
Sipitang	Kluster Long Pasia	3
Kinabatangan	Kluster Desa Jeroco 2	3
JUMLAH		12

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,782 unit

- Hospital 1,926 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,156 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 42.56%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 2 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	768
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	14
Jumlah	784

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	2
Jumlah	2

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	752
Bukan Malaysia	32
Jumlah	784

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	154
Belum Menerima Vaksin	205
Menerima 1 Dos	50
Lengkap 2 Dos	375
Jumlah	784

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	12
1 to 5	73
6 to 11	69
12 to 17	71
18 to 25	108
26 to 59	352
>60	99
Jumlah	784

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 02 Oktober 2021)
1	Kota Belud	2
2	Ranau	2
3	Kudat	1
4	Papar	1
5	Tambunan	1
6	Tawau	1
7	Telupid	1
JUMLAH		9

D (SOP) BAGI AKTIVITI *SIGN ON* DAN *SIGN OFF* KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR MINYAK DAN GAS DI SABAH

(SOP) bagi aktiviti *sign on* dan *sign off* kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas di Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

E PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Mokodou, Ranau	4 Oktober 2021	17 Oktober 2021

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Tamu Darat, Kota Belud	20 September 2021	Ditamatkan pada 3 Oktober 2021 seperti yang dijadualkan

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 1 Oktober 2021 adalah seramai 22,105 orang. Daripada jumlah ini, seramai 16,734 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 5,371 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 1 Oktober 2021 adalah seramai 2,313,662 orang. Ini meliputi 2,046,947 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 74.2% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,799,723 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,799,391 orang atau 65.2% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 266,715 orang atau 62.6% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 332 orang setakat ini.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **632,263** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 51 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 18,574 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 47 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 51 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 11 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Empat (4) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Enam (6) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 104 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,063 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 593 premis perniagaan dan 1,144 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 278 Premis Perniagaan melibatkan 173 anggota APM. Sebanyak lima (5) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.

- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 23 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 129 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 124 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	97.5%
2	Keningau	97%
3	Semporna	97%
4	Ranau	97%
5	Beluran	97%
6	Tawau	97%
7	Kota Belud	97%
8	Tuaran	97%
9	Papar	97%
10	Sipitang	97%
11	Beaufort	97%
12	Kudat	96.5%
13	Penampang	96.5%
14	Lahad Datu	96.5%
15	Kota Marudu	96.5%
16	Kunak	96.5%
17	Tenom	96.5%
18	Kinabatangan	96%
19	Sandakan	96%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

Dikemaskini pada 1 Oktober 2021

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI AKTIVITI SIGN ON DAN SIGN OFF KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR MINYAK DAN GAS DI SABAH

Tempoh Berkuatkuasa	25 September 2021 sehingga 31 Oktober 2021 (11.59 malam)	
Kawasan Terlibat	Seluruh kawasan perairan Sabah	
Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN	PERGERAKAN TERUS DARI W.P. LABUAN KE PELANTAR / TAPAK LOKASI DI PERAIRAN SABAH BAGI KRU DAN VESSEL.	
BIL.	PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)	
	TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
1	<p>Aktiviti Sign On dan Sign Off</p> <p>Nota:</p> <p>i. Premis Hotel Kuarantin (bagi tujuan Sign On / Sign Off) hendaklah berasingan daripada premis PKRC / Hotel PKRC.</p> <p>ii. Hotel dijadikan sebagai PKRC (bagi kes positif COVID-19) adalah dibenarkan. Premis tersebut hendaklah mendapat persetujuan PKOB Daerah terlebih dahulu dan diwartakan.</p>	<p>a) Semua kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas WAJIB mematuhi SOP Sign On dan Sign Off Jabatan Kesihatan Negeri Sabah seperti berikut:</p> <p>SIGN ON</p> <p>i. (SEBELUM MASUK KE SABAH) : Keputusan NEGATIF ujian COVID-19 RT-PCR "atau" RTK-Ag [swab / saliva] dan ujian yang dilakukan hendaklah disahkan oleh klinik atau makmal yang melakukan ujian tersebut. Tempoh sah laku RTK-Ag adalah satu (1) hari dan RT-PCR adalah tiga (3) hari selepas pengambilan sampel sebelum masuk ke Sabah; dan</p> <p>ii. Hanya individu yang telah lengkap divaksin dibenarkan untuk Sign On, dan akan diarah ke hotel kuarantin dan WAJIB membuat ujian RTK-Ag sebelum prosedur Sign On. Jika ujian NEGATIF, dibenarkan untuk Sign On.</p> <p>SIGN OFF (DARI KAWASAN TIDAK MEMPUNYAI SEJARAH KES COVID-19 DALAM TEMPOH 14 HARI)</p> <p>i. Setelah individu tiba di Hotel Kuarantin, WAJIB membuat satu (1) ujian RTK-AG. Jika mendapat keputusan NEGATIF, dibenarkan pulang.</p> <p>ii. Sekiranya mendapat keputusan POSITIF, pengurusan kes adalah seperti SOP Pengurusan Kes COVID-19 (KKM) sedia ada. Kes akan dipindahkan ke Hotel PKRC yang disediakan oleh majikan atau PKRC awam.</p> <p>a) Hotel PKRC – majikan adalah bertanggungjawab untuk menyediakan tempat tinggal untuk kes (Cat 1 & Cat 2) dan memantau keadaan kes sehingga sembuh dengan penyeliaan Pejabat Kesihatan Daerah.</p> <p>SIGN OFF (DARI KAWASAN MEMPUNYAI SEJARAH KES COVID-19 DALAM TEMPOH 14 HARI)</p> <p>i. Safety Health Officer (SHO) akan membuat penilaian kontak kepada kes.</p> <p>ii. Individu berstatus POSITIF hendaklah dimasukkan ke dalam Pusat Kuarantin & Rawatan COVID-19 (PKRC), dan kes kontak rapat hendaklah dikuarantin selama 10 hari di Pusat Kuarantin / Hotel Kuarantin yang disediakan oleh majikan.</p> <p>iii. Kru yang tidak berstatus kontak rapat hendaklah dimasukkan ke dalam Hotel Kuarantin dan WAJIB membuat satu (1) ujian RTK-AG. Jika mendapat keputusan NEGATIF, dibenarkan pulang.</p>

1 / 6

Dikemaskini pada 1 Oktober 2021

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI AKTIVITI SIGN ON DAN SIGN OFF KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR MINYAK DAN GAS DI SABAH

Tempoh Berkuatkuasa	25 September 2021 sehingga 31 Oktober 2021 (11.59 malam)	
Kawasan Terlibat	Seluruh kawasan perairan Sabah	
Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN	PERGERAKAN TERUS DARI W.P. LABUAN KE PELANTAR / TAPAK LOKASI DI PERAIRAN SABAH BAGI KRU DAN VESSEL.	
BIL.	PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)	
	TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
1	<p>Aktiviti Sign On dan Sign Off</p>	<p>b) Kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas TIDAK DIBENARKAN sign on / sign off dengan menggunakan Crew Boat / Passenger Boat / mana-mana jenis bot / helikopter, yang berlepas ke mana-mana lokasi aktiviti minyak dan gas di perairan Sabah selain tempat perlepasan di Berth No. 4, KK Port Offshore Getaway, Pelabuhan Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Terminal 2 atau Terminal Feri Antarabangsa Labuan.</p> <p>c) Kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas menjalankan aktiviti Sign On / Sign Off di Terminal Feri Antarabangsa Labuan WAJIB mematuhi SOP sedia ada yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana W.P. Labuan.</p> <p>d) Kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas menjalankan aktiviti Sign On / Sign Off di Terminal Feri Antarabangsa Labuan TIDAK DIBENARKAN untuk bergerak terus dari W.P. Labuan ke mana-mana pelantar / tapak lokasi di perairan Sabah. Kru dan anak-anak kapal tersebut WAJIB mendapatkan Arrival / Departure Clearance di Imigresen Sabah.</p>



PHEDNP
JKM

PEJABAT HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI



PHEDNP
JKM

PEJABAT HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI AKTIVITI SIGN ON DAN SIGN OFF KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR MINYAK DAN GAS DI SABAH

Tempoh Berkuatkuasa	25 September 2021 sehingga 31 Oktober 2021 (11.59 malam)
Kawasan Terlibat	Seluruh kawasan perairan Sabah
Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN	PERGERAKAN TERUS DARI W.P. LABUAN KE PELANTAR / TAPAK LOKASI DI PERAIRAN SABAH BAGI KRU DAN VESSEL.

BIL.	PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)	
	TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
2	Pintu masuk / keluar Sabah	<p>a) Hanya DUA (2) pintu masuk / keluar sahaja yang DIBENARKAN bagi tujuan pendaratan kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas yang terlibat dengan proses Sign On / Sign Off serta semua jenis sokongan marin (seperti Crew Boat, Supply Boat / Vessel, Kapal Tunda dan seumpamanya).</p> <p>b) Pintu masuk / keluar Sabah iaitu di Berth No. 4, KK Port Offshore Getaway, Pelabuhan Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Terminal 2.</p> <p>c) Tambahan pintu masuk / keluar Sabah baharu di daerah Sipitang (Imigresen Sipitang) bagi tujuan arrival dan departure clearance sahaja. Aktiviti pertukaran kru dan anak-anak kapal adalah TIDAK DIBENARKAN.</p>
3	Premis Hotel Kuarantin / Hotel PKRC (berstatus aktif)	<p>a) Hotel Kuarantin (untuk Sign On / Off) HENDAKLAH disediakan oleh majikan, dan disahkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Hotel Kuarantin adalah disediakan khas untuk kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas sahaja.</p> <p>b) Hotel Kuarantin HENDAKLAH berstatus aktif dan mempunyai kawalan daripada pihak-pihak keselamatan (RELA & APM).</p> <p>c) Hotel PKRC O&G HENDAKLAH disediakan oleh majikan dan disahkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. HENDAKLAH diwartakan, berstatus aktif dan mempunyai kawalan daripada pihak-pihak keselamatan (RELA & APM). Hotel PKRC O&G adalah untuk kegunaan kes kontak rapat dan kes positif (Cat 1 & Cat 2) sahaja.</p> <p>d) Pihak hotel HENDAKLAH menyediakan bilik khas untuk aktiviti ujian COVID-19.</p> <p>e) Kru dan anak-anak kapal HENDAKLAH menjalani ujian COVID-19 (seperti dalam SOP pengurusan kontak rapat dan pengurusan kes) di premis hotel kuarantin sahaja.</p>

3 / 6

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI AKTIVITI SIGN ON DAN SIGN OFF KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR MINYAK DAN GAS DI SABAH

Tempoh Berkuatkuasa	25 September 2021 sehingga 31 Oktober 2021 (11.59 malam)
Kawasan Terlibat	Seluruh kawasan perairan Sabah
Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN	PERGERAKAN TERUS DARI W.P. LABUAN KE PELANTAR / TAPAK LOKASI DI PERAIRAN SABAH BAGI KRU DAN VESSEL.

BIL.	PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)	
	TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
4	<p>Pergerakan kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas ke hotel / pusat kuarantin (Travel Bubble)</p> <p>✓ Amalan ini juga hendaklah dilaksanakan bagi kru dan anak-anak kapal yang berada di W.P. Labuan untuk tujuan aktiviti Sign On. Amalan ini adalah untuk mencegah penularan wabak penyakit COVID-19 di pelantar dalam perairan Sabah.</p>	<p>a) Travel Bubble daripada pintu masuk / keluar Sabah ke hotel / pusat kuarantin ke pelabuhan atau sebaliknya (bagi aktiviti sign on / sign off). Persinggahan ke mana-mana lokasi selain destinasi (pintu masuk / keluar, hotel / pusat kuarantin, pelabuhan) adalah TIDAK DIBENARKAN.</p> <p>b) Kenderaan khas HENDAKLAH disediakan oleh pihak syarikat minyak dan gas bagi pergerakan kru. <ul style="list-style-type: none"> Pemandu WAJIB memakai Face Mask dan PPE lengkap (gown, face shield, glove) sepanjang operasi. Melaksanakan kerja-kerja nyahkuman/ sanitasi (spray) setelah selesai operasi pengangkutan (minima: sekali pada setiap operasi). Semua penumpang WAJIB memakai Face Mask sepanjang perjalanan. </p> <p>c) Bagi pemandu bertukar DIWAJIBKAN untuk menjalankan ujian saringan RTK-Ag pada setiap perjalanan (trip) dan hanya keputusan NEGATIF dibenarkan untuk menjalankan operasi. Manakala bagi pemandu tetap DIWAJIBKAN untuk menjalankan ujian saringan RTK-Ag pada setiap trip (untuk kerja yang sama) melalui panel klinik dan hanya keputusan NEGATIF dibenarkan untuk menjalankan operasi.</p>

3 / 6



PHEDNP
JKM

PEJABAT HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI



PHEDNP
JKM

PEJABAT HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI



PHEDNP
JKM

PEJABAT HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI AKTIVITI SIGN ON DAN SIGN OFF KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR MINYAK DAN GAS DI SABAH

Tempoh Berkuatkuasa	25 September 2021 sehingga 31 Oktober 2021 (11.59 malam)	
Kawasan Terlibat	Seluruh kawasan perairan Sabah	
Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN	PERGERAKAN TERUS DARI W.P. LABUAN KE PELANTAR / TAPAK LOKASI DI PERAIRAN SABAH BAGI KRU DAN VESSEL.	
BIL.	PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)	
	TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
5	Imigresen	<p>a) Setiap kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas yang bekerja di Sabah dan perairan Sabah WAJIB memiliki Pas Kerja Sabah yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah (JIM Sabah).</p> <p>b) Hanya kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas yang memiliki Pas Kerja Sabah yang sah tempoh adalah DIBENARKAN untuk memasuki ke Sabah tanpa memerlukan Kelulusan Khas Masuk ke Sabah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sabah [Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan (PHEDNP)].</p> <p>c) Kelulusan Khas Masuk ke Sabah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sabah [Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan (PHEDNP)] adalah DIPERLUKAN bagi kemasukan kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas ke Sabah bagi:</p> <ol style="list-style-type: none"> Permohonan baru / tidak memiliki Pas Kerja Sabah / tidak memiliki Pas Kerja Sabah yang sah tempoh: Hanya kru / anak-anak kapal sektor minyak dan gas yang telah mendapat Surat Sokongan Pas Kerja daripada PHEDNP dan mendapat surat kelulusan permohonan Pas Kerja Sabah (JIM Sabah) akan dikeluarkan Kelulusan Khas Masuk. Walau bagaimanapun, kru / anak-anak kapal HENDAKLAH mendapatkan pekat Pas Kerja Sabah SEBELUM memulakan pekerjaan di Sabah dan di perairan Sabah.



PHEDNP
JKM

PEJABAT HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI AKTIVITI SIGN ON DAN SIGN OFF KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR MINYAK DAN GAS DI SABAH

Tempoh Berkuatkuasa	25 September 2021 sehingga 31 Oktober 2021 (11.59 malam)	
Kawasan Terlibat	Seluruh kawasan perairan Sabah	
Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN	PERGERAKAN TERUS DARI W.P. LABUAN KE PELANTAR / TAPAK LOKASI DI PERAIRAN SABAH BAGI KRU DAN VESSEL.	
BIL.	PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)	
	TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
5	Imigresen	<p>c) Kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas DIWAJIBKAN untuk mendapat <i>Immigration Clearance</i>:</p> <ol style="list-style-type: none"> Melapor pergerakan kapal (Departure Clearance) kepada pihak Imigresen di tempat berlepas melalui agensi perkapalan yang dilantik untuk mematuhi peraturan imigresen. Melapor pergerakan kapal (Arrival Clearance) kepada pihak Imigresen Sabah di tempat ketibaan melalui agensi perkapalan yang dilantik sebelum pergerakan ke Sabah High Seas. Pergerakan semua kru / kapal ke Sabah High Seas hanya DIBENARKAN untuk bergerak bermula pada jam 8.00 pagi setiap hari. Manakala ketibaan di KK Port Offshore, Pelabuhan Kota Kinabalu HENDAKLAH sebelum jam 10.00 malam setiap hari. Pergerakan semua kru dari KKIA-T2 ke lokasi minyak dan gas Sabah / Sabah High Seas hanya DIBENARKAN untuk bergerak bermula pada jam 7.00 pagi sehingga 10.00 malam setiap hari.
6	Lain-lain	<p>a) Bagi kru dan/atau anak-anak kapal sektor minyak dan gas yang bertugas di semua jenis aset sokongan marin (<i>Crew Boat, Supply Boat / Vessel, Kapal Tunda</i>) dan bergerak secara kerap (regular) dalam kawasan Pelabuhan Kota Kinabalu, DIWAJIBKAN untuk menjalani ujian saringan RTK-Ag sekali dalam setiap dua (2) minggu.</p> <p>b) Semua jenis <i>Crew Boat, Supply Boat / Vessel, Kapal Tunda</i> dan seumpamanya HENDAKLAH melaksanakan kerja-kerja nyahkuman / sanitasi setiap kali operasi pengangkutan selesai.</p>